

FAQ - HIBAH TAHUNAN DAN HIBAH HAJI

1. Berapakah Hibah Pendeposit TH 2016?

Lembaga Tabung Haji (TH) telah mengisytiharkan pembayaran Hibah Pendeposit Tahunan TH sebanyak 4.25% dan Hibah Haji sebanyak 1.50% kepada pendeposit yang layak bagi tahun kewangan 2016.

2. Apakah Hibah Tahunan?

Hibah Tahunan adalah "hadiah" yang diisytihar oleh TH, berdasarkan konsep **Wadiah Yad Dhamanah** iaitu mengikut kemampuan kewangan TH pada tahun semasa.

3. Apakah Hibah Haji ?

Hibah Haji adalah "hadiah khas" yang diberikan kepada pendeposit TH yang masih belum pernah menunaikan haji dan terhad kepada bayaran haji semasa (RM9,980).

4. Siapakah yang layak menerima Hibah Tahunan?

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan TH yang berstatus aktif sehingga 31 Disember 2016, layak menerima hibah tahun 2016 pada kadar yang diisytiharkan. Sekiranya pendeposit menutup akaun sepanjang tahun semasa dan sebelum hibah tahun semasa diisytiharkan, maka kadar yang digunapakai adalah kadar bayaran ehsan yang berasaskan kadar simpanan tetap Perbankan Islam untuk tempoh 6 bulan. Tiada pelarasan akan dibuat selepas pada itu.

5. Bagaimanakah cara pengiraan Hibah Tahunan TH 2016?

Cara pengiraan Hibah Tahunan TH 2016 adalah dengan mengambil kira purata baki minima bulanan selama 12 bulan dan didarabkan dengan kadar yang ditetapkan.

Kiraan: Baki purata minima bulanan X 4.25% (Januari-Disember 2016/12 Bulan) X 4.25%

6. Siapakah yang layak menerima Hibah Haji?

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan TH yang berstatus aktif sehingga 31 Disember 2016 dan belum pernah menunaikan haji.

7. Bagaimanakah cara pengiraan Hibah Haji?

Cara pengiraan hibah haji adalah dengan mengambil kira purata baki minima bulanan selama 12 bulan dan didarabkan dengan kadar yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kadar kelayakan maksima adalah purata baki minima bulanan sehingga RM9,980 (terhad kepada bayaran haji semasa).

Kiraan: Baki purata minima bulanan X 1.50% (Januari-Disember 2016/12 Bulan) X 1.50%

Contoh:

Purata Baki Minima Tahunan				
Bil	Kurang daripada RM9,980		Lebih daripada RM9,980	
	Purata Baki Minima	Jumlah Layak Hibah Haji	Purata Baki Minima	Jumlah Layak Hibah Haji
1	RM9,979.99	RM9,979.99	RM100,000.00	RM9,980.00
2	RM4,500.00	RM4,500.00	RM25,300.80	RM9,980.00
3	RM2,000.55	RM2,000.55	RM10,510.54	RM9,980.00
4	RM730.00	RM730.00	RM9,980.01	RM9,980.00

** Kelayakan maksima pada kadar RM9,980.00 sahaja = $RM9,980.00 \times 1.50\%$

8. Bagaimanakah bayaran hibah tahunan dan hibah haji dibuat?

Kedua-dua bayaran hibah ini akan dikreditkan terus ke dalam akaun pendeposit.

9. Bilakah Hibah Pendeposit TH 2016 boleh disemak?

Hibah Pendeposit **TH** 2016 boleh disemak bermula Isnin, 6 Februari 2016.

10. Adakah pendeposit yang mempunyai akaun pelaburan KWSP di TH layak menerima hibah haji?

Tidak, kerana hibah haji hanya diberikan kepada pendeposit yang mempunyai akaun simpanan **TH** dan belum pernah menunaikan haji.

11. Mengapa hibah tahunan pendeposit tahun ini menurun?

Simpanan di **TH** adalah berkonsepkan *Al Wadiah Yad Dhamanah* di mana simpanan adalah terjamin dan pemberian hibah tidak dijanjikan serta mengikut budibicara **TH**. Namun Alhamdulillah, walaupun situasi ekonomi dunia yang sedang meleset dan tidak menentu sekarang, prestasi kewangan **TH** kekal positif dan masih mampu memberi hibah kepada pendeposit.